



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 6 Oktober 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will take stern action against public transport companies that instruct their employees to use their MyKad to purchase subsidised fuel at the public rate of RM1.99 per litre. The subsidy is intended for individual citizens. Companies should not exploit this system, as they already receive a subsidised rate of RM2.05, which is already significantly below the market price.

— Datuk Armizan Mohd Ali



Source: Media Mulla

Claims for fuel refund open Oct 9

Motorists affected by Budi95 technical glitches can get reimbursements

By **CHARLES RAMENDRAN**
charles.ramen@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Motorists who are affected by technical glitches at petrol stations and had to pay for unsubsidised RON95 prices at the pumps can file a claim to recover the difference, says Datuk Dr Fuziah Salleh.

The Deputy Minister of Domestic Trade and Cost of Living Ministry said apart from a few minor glitches, which were quickly resolved, the Budi Madani RON95 (Budi95) programme has been running smoothly nation-

wide since it was introduced last Tuesday.

"There were some complaints, such as system outages, but it was managed speedily. However, if motorists ended up paying unsubsidised RON95 prices as a result, they may file for a claim," Fuziah said.

Businesses and individuals can apply for refunds for unsubsidised petrol purchases made between Sept 30 and Oct 31 at <https://mysubsidi.kpdn.gov.my> with the claims supported by proof of purchase, such as copies of RON95 receipts.

The refund application will open from Oct 9 onwards. Businesses are also required to register with the Subsidised Petrol Control Scheme (SKPS) and produce proof of having applied for a fleet card on or before Oct 31 to be eligible for the scheme.

Upon verification and approval by the ministry, the refunds will be credited to the applicants' bank accounts within 15 working days.

Those who wish to make further enquiries may contact the SKPS call centre at 03-8882 5893 / 5894 / 5923 / 6667 or via email at bayaranbalikmysubsidi@kpdn.gov.my

gov.my

Fuziah also said that registration for subsidised petrol for businesses under the SKPS was lukewarm since the Budi95 programme commenced.

She said only 25% of businesses with vehicles eligible for subsidised petrol under the system have registered with the ministry to date.

"The response has not been very encouraging, but the ministry is engaging the relevant groups, such as taxi associations, to get them to register under the SKPS to enjoy the petrol subsidy. Those who are late to carry out

the registration can still claim the subsidy backdated from Oct 1 as long as they produce receipts for their petrol purchase.

"We hope they will register under the SKPS promptly," Fuziah said at a Digital Kitchen or Dapur Digital initiative at a Seri Perlis II People's Housing Project (PPR) flats in Datuk Keramat here yesterday.

She also reminded that foreign vehicles are disallowed from filling up with subsidised RON95 and urged the public to report to the ministry if they come across such cases.

KPDN syak seleweng lesen punca minyak masak subsidi diseludup

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan tidak menolak kemungkinan bekalan minyak masak bersubsidi yang banyak diseludup ke selatan Thailand berpunca daripada pengilang, pemborong dan peruncit yang menyeleweng lesen untuk mendapat keuntungan segera.

Pengarahnya, Azman Ismail, berkata ia berikutan harga minyak bersubsidi dijual di Malaysia RM2.50, manakala jika diseludup ke Thailand harga jauh lebih mahal.

Beliau berkata, pihaknya sedang menjalankan siasatan terhadap beberapa syarikat disyaki menyalah gunakan lesen atau kuota diberikan.

Jika syarikat berkenaan didapati mendalangi kegiatan itu, tindakan tegas akan diambil termasuk pembatalan lesen, selain akan didakwa di mahkamah.

"Untuk rekod KPDN Kelantan sudah mengambil tindakan tegas sebelum ini dan menarik kuota dan menggantung lesen terhadap syarikat terbabit dengan penyalahgunaan lesen berkenaan.

"Setakat ini, lima syarikat pembekal sudah diambil tindakan kerana didapati melanggar peraturan dan disyaki terbabit dengan aktiviti penyelewengan minyak, selain gagal mematuhi arahan pengawal bekalan.

"KPDN memandang serius isu



Tinjauan BH di pekan Sungai Golok mendapati minyak masak bersubsidi banyak dijual di kedai runcit dan pasar pagi secara terbuka.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

ini kerana tindakan berkenaan menyalahi undang-undang dan menjejaskan bekalan minyak masak bersubsidi kepada pengguna tempatan. KPDN sentiasa bekerjasama dengan agensi sempadan lain, termasuk Pasukan Gerakan Am (PGA) untuk memastikan ketirisan barangan bersubsidi kepa-

da negara luar ditangani.

"Justeru, pemantauan dan audit terhadap syarikat pembungkus itu dilaksanakan secara berterusan, termasuk siasatan terhadap rekod pengeluaran, pengedaran dan jualan yang mencurigakan," katanya ketika dihubungi.

Antara kawalan, sistem e-

COSS (Electronic Cooking Oil Stabilization Scheme) kini digunakan bermula daripada peringkat kilang.

Melalui sistem berkenaan, KPDN memantau pergerakan minyak masak bersubsidi diagihkan sama ada kepada pemborong atau premis peruncitan.

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan tidak menolak kemungkinan bekalan minyak masak bersubsidi yang banyak diseludup ke Selatan Thailand, berpunca daripada pengilang, pemborong dan peruncit yang menyeleweng lesen untuk mendapat keuntungan segera.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, ia berikutan harga minyak bersubsidi yang dijual di Malaysia adalah RM2.50, manakala harga yang dikenakan jauh lebih mahal jika diseludup ke Thailand.

Tegasnya, pihaknya kini sedang menjalankan siasatan terhadap beberapa syarikat yang disyaki menyalahgunakan lesen atau kuota yang diberikan.

Katanya, jika syarikat berkenaan didapati mendalangi kegiatan itu, tindakan tegas akan diambil termasuk pembatalan lesen selain akan didakwa di mahkamah.

BEKALAN MINYAK MASAK DISELUDUP KE THAILAND

KPDN siasat syarikat salah guna lesen



TINJAUAN di pekan Sungai Golok mendapati bekalan minyak masak pekete bersubsidi banyak dijual di kedai runcit dan pasar pagi secara terbuka yang diseludup ke negara jiran dijual dengan jumlah yang banyak tanpa had. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

"Untuk rekod KPDN Kelantan juga sudah mengambil tindakan tegas sebelum ini dan menarik kuota dan menggantung lesen

terhadap syarikat yang terbabit dengan penyalahgunaan lesen.

"Setakat ini sebanyak lima syarikat pembekal su-

dah diambil tindakan kerana didapati melanggar peraturan dan disyaki terbabit dengan aktiviti penyeleweng minyak, se-

lain gagal mematuhi arahan pengawal bekalan.

"KPDN memandang serius isu ini kerana tindakan berkenaan bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah menjejaskan bekalan minyak masak bersubsidi kepada pengguna tempatan. KPDN sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi sempadan lain termasuk Pasukan Gerakan Am (PGA) untuk memastikan ketirisan barangan bersubsidi kepada negara luar ditangani

"Justeru, pemantauan dan audit terhadap syarikat pembungkus dilaksanakan

"Setakat ini sebanyak lima syarikat pembekal sudah diambil tindakan"

Azman

secara berterusan, termasuk siasatan terhadap rekod pengeluaran, pengedaran dan jualan yang mencurigakan," katanya, semalam.

Jelasnya, sebagai salah satu langkah kawalan, sistem e-COSS (Electronic Cooking Oil Stabilization Scheme) kini digunakan bermula dari peringkat kilang dan melalui sistem berkenaan, pihak KPDN dapat memantau pergerakan minyak masak bersubsidi diagihkan sama ada kepada pemborong atau premis peruncitan.

Media sebelum ini melaporkan, bekalan minyak masak pekete dan petrol bersubsidi di Selatan Thailand termasuk di pekan Sungai Golok dikesan tidak pernah terputus, selain boleh diperolehi dengan jumlah yang banyak tanpa had.

Situasi itu sekali gus menyeksikan penyeludupan membabitkan barangan bersubsidi sentiasa berlaku walaupun kawalan di sempadan dipertingkatkan.



Lee (second left) together with KPDN and Emart officials show the list of various goods sold during the PJR at SMK Merbau.

Rahmah Sales Programme at SMK Merbau benefits over 1,000 families

MIRI: The mobile Rahmah Sales Programme (PJR) at SMK Merbau received overwhelming response from the targeted B40 and M40 groups, offering essential goods at discounts of up to 30 per cent.

Sarawak Transport Minister and Senadin assemblyman Dato Sri Lee Kim Shin said SMK Merbau was an ideal location for the programme due to its large student population.

"I chose SMK Merbau because the school has nearly 3,000 students. So, if each student represents one family, that means at least 1,000 or more families will benefit," he told

reporters after visiting the event yesterday.

He added that he has successfully organised the PJR monthly within his constituency, consistently receiving encouraging public response.

For December, the programme is scheduled to take place at the SM Riam school hall.

Lee emphasised that the initiative is designed to alleviate the financial burden for the community, particularly in the Senadin constituency which consists largely of B40 and lower-income M40 families.

"These are the target groups we

want to help. With programmes like this, they can lessen their financial burden to some extent, since prices are reduced by up to 30 per cent," he said.

The event, held in cooperation with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) and supermarket partner Emart, featured 39 essential items.

Public enthusiasm was high, with residents lining up as early as 7am.

To accommodate the crowd, three payment counters were set up in the school hall to ensure a comfortable shopping experience.



PELBAGA: Lee (depan, dua kiri) menunjukkan senarai pelbagai barangan yang dijual semasa PJR di SMK Merbau semalam.

PJR bergerak di SMK Merbau mendapat sambutan amat baik

MIRI: Program Jualan Rahmah (PJR) bergerak yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Merbau mendapat sambutan amat baik daripada kumpulan sasaran B40 dan M40 dengan pengurangan harga sehingga 30 peratus.

Menteri Pengangkutan Sarawak merangkap ADUN Senadin Dato Sri Lee Kim Shin berkata, beliau tidak salah apabila memilih SMK Merbau untuk menganjurkan PJR di kawasanannya (DUN Senadin) kali ini kerana jumlah pelajar yang tinggi.

"Saya memilih SMK Merbau kerana sekolah ini mempunyai hampir 3,000 pelajar. Jadi kalau setiap pelajar

mewakili sebuah keluarga sekurang-kurangnya 1,000 atau lebih, kalau sebuah keluarga ada dua orang pelajar (anak di sekolah yang sama), maka kita ada 1,500 keluarga, yang mendapat manfaat," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi PJR di sekolah itu semalam.

"Hari ini saya telah mengatur PJR bergerak ini dengan kerjasama dan bantuan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di SMK Merbau. Jadi, di kawasan saya sendiri, saya telah berjaya mengatur PJR ini, pada setiap bulan dan ia sentiasa mendapat sambutan yang amat baik," katanya.

Untuk bulan Disember akan datang, Lee bercadang mengadakan PJR di dewan SM Riam, dengan setiap bulan akan diadakan di kawasan dan tempat yang berbeza.

"Peluang ini dimanfaatkan sebaiknya untuk mereka membeli barangan keperluan seperti beras, gula, minyak, Milo, telur dan sebagainya termasuk ayam, ikan dan daging," tambahnya.

Lee mengakui PJR di kawasanannya sentiasa mendapat sambutan hangat kerana DUN Senadin mempunyai keluarga yang kebanyakannya datang daripada B40 dan di bawah serta M40 yang merupakan kumpulan sasaran program tersebut.

"Kumpulan sasaran ini yang kita ingin bantu supaya dengan adanya PJR seperti ini, ia membantu mengurangkan beban mereka sedikit sebanyak, kerana harga berkurangan sehingga 30 peratus. Jadi PJR di SMK Merbau pagi ini, kita telah atur semua bersama pasar raya yang mengambil bahagian (Emart Tudan) yang menyenaraikan 39 barangan," katanya sambil menambah, orang ramai sudah mulai berbaris seawal jam 7 pagi untuk membeli barangan.

Katanya, dengan adanya dewan yang besar, sebanyak tiga kaunter pembayaran dibuka, memberi keselesaan kepada orang ramai membeli dan beratur.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Tambang bot ke Pulau Tuba naik RM2 sehalu

Oleh **NUR AMALINA AZMAN**
utusannews@mediamulla.com.my

LANGKAWI: Pengusaha bot tambang ke Pulau Tuba, di sini terpaksa menaikkan caj tambang sebanyak RM2 sehalu, susulan perubahan harga petrol RON95 daripada RM2.05 kepada RM2.60 seliter.

Pengerusi Koperasi Komuniti Kepulauan Tuba dan Selat Berhad (Koptubas), Mohd. Fadlan Nor berkata, tambang sehalu daripada RM5 kepada RM7 itu akan dikuatkuasakan bermula 7 Oktober ini.

"Kami sudah berbincang bersama semua pengusaha dan sebulat suara untuk menaikkan harga tambang sehalu bagi perkhidmatan bot ke Pulau Tuba kepada RM7.

"Harga lama RM5 sudah dikenakan kepada penumpang sejak 30 tahun lalu tanpa sebarang kenaikan sedangkan kami terpaksa tanggung kos kenaikan bagi kerja selenggara dan petrol," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Ketika ini, terdapat kira-kira 20 pengusaha bot tambang ke Pulau Tuba yang beroperasi dari Jeti Syed Omar dan Jeti Pelancongan Pekan Rabu.

Menurut Mohd. Fadlan,

kenaikan harga petrol daripada RM2.05 kepada RM2.60 yang terpaksa dibayar pengusaha sejak pelaksanaan Inisiatif Bantuan Madani RON95 (BUDI95) pada 1 Oktober lalu menambah beban mereka.

Tambahnya, walaupun kerajaan mengumumkan pelaksanaan subsidi petrol akan turut melibatkan pengendali bot berlesen, sehingga hari ini mereka belum menikmati inisiatif itu.

"Jika kerajaan hendak guna data pengusaha bot daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), kami harap had petrol diberikan mengikut jenis enjin dan bukannya sama bagi semua jenis bot.

"Sebelum ini, semua pengusaha bot diberikan kuota sebanyak 100 liter sehari tanpa mengambil kira jenis enjin yang digunakan pada setiap bot," katanya.

Pengusaha bot tambang sebelum ini telah menyatakan harapan mereka agar kerajaan dapat mempercepatkan pemberian subsidi petrol kepada mereka susulan kenyataan Kementerian Kewangan yang memasukkan perkhidmatan itu di bawah BUDI95.



PELANCONG dan penduduk Pulau Tuba menggunakan bot tambang untuk berulang-alik ke Kuah setiap hari di Pulau Langkawi.
- UTUSAN/ NUR AMALINA AZMAN

Reformasi fiskal, subsidi bersasar, infrastruktur dijangka jadi tumpuan

Dokumen penting di bawah RMK13 tentukan hala tuju ekonomi di tengah landskap global mencabar

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Seluruh negara kini menantikan pembentangan Belanjawan 2026 pada 10 Oktober ini yang dijangka menjadi dokumen penting dalam menentukan hala tuju ekonomi Malaysia di tengah landskap global mencabar.

Belanjawan kali ini adalah belanjawan pertama di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13),

dijangka memberi tumpuan kepada reformasi fiskal, pelaburan strategik dalam infrastruktur dan kesinambungan agenda subsidi bersasar.

Menurut laporan prabelanjawan oleh bahagian penyelidikan TA Securities, Belanjawan 2026 dijangka bersifat mengembang dengan unjuran peruntukan keseluruhan sebanyak RM425.5 bilion, meningkat 3.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Langkah ini katanya, menandakan komitmen kerajaan untuk terus merangsang pertumbuhan ekonomi domestik walaupun berdepan dengan tekanan luaran.

"Perbelanjaan ini akan menjadi kritikal untuk mencapai sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) antara 4.5 hingga 5 peratus pada 2026.

"Tumpuan utama belanjawan ini adalah kesinambungan agenda reformasi fiskal kerajaan.

"TA Securities mengunjurkan

defisit fiskal negara akan terus berkurangan kepada 3.8 peratus daripada KDNK pada 2026, berbanding anggaran 4 peratus pada 2025.

"Pengurangan defisit ini penting untuk memastikan kemampuan kewangan negara dalam jangka panjang dan selaras dengan matlamat Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) untuk mengurangkan defisit di bawah 3 peratus menjelang 2030," katanya.

Perkukuh kutipan hasil

Tambah laporan itu, untuk mencapai sasaran defisit itu, kerajaan dijangka memperkukuh kutipan hasil.

"Kami menganggarkan hasil kerajaan akan mencecah RM343.8 bilion pada 2026, disokong langkah seperti pelaksanaan mandatori e-invois dan peluasan liputan cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

"Pendapatan daripada cukai

korporat dan individu lebih tinggi juga dijangka menyumbang kepada peningkatan hasil ini.

"Salah satu aspek yang paling dinantikan ialah perincian lanjut mengenai rasionalisasi subsidi.

"Selepas kejayaan awal program Budi95, kerajaan dijangka memberikan lebih kejelasan mengenai penjimatan yang diperoleh dan bagaimana ia akan digunakan semula," katanya.

TA Securities menganggarkan jumlah subsidi keseluruhan kekal sekitar RM50 bilion pada 2026, paras sama seperti tahun ini, namun jauh lebih rendah berbanding ketika tempoh pandemik.

"Ini menunjukkan kerajaan kini lebih berhati-hati dalam memastikan ketirisan subsidi dapat dikawal.

"Dari sudut perbelanjaan, sekitar RM341 bilion atau 80 peratus daripada keseluruhan belanjawan dijangka diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus,

meliputi emolumen dan pencen penjawat awam.

"Baki RM4 bilion pula dipecahkan sebagai perbelanjaan pembangunan untuk projek pemangkin ekonomi.

"Kami menjangkakan perbelanjaan pembangunan akan disalurkan kepada tiga bidang utama iaitu infrastruktur, ekonomi hijau dan pendigitalan sejajar dengan keutamaan RMK13.

"Kerajaan dijangka meneruskan projek infrastruktur sedia ada tanpa memperkenalkan projek mega dalam tempoh terdekat.

"Selain itu, inisiatif untuk menarik pelaburan bernilai tinggi dijangka turut diperincikan, termasuk pengukuhan Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (NIIF) bagi menarik syarikat teknologi tinggi dan berinovasi.

"Langkah ini penting bagi mempersiapkan Malaysia menghadapi pelaksanaan Cukai Minimum Global (GMT)," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 6 OKTOBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
6-Oct	Pendaftaran tuntutan bayaran balik tunai bot penumpang dibuka 9 Oktober	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pendaftaran-tuntutan-bayaran-balik-tunai-bot-penumpang-dibuka-9-okt	RTM
6-Oct	Govt to announce revised fuel Automatic Pricing Mechanism shortly, says Armizan	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/03/govt-to-announce-revised-fuel-automatic-pricing-mechanism-shortly-says-	THE STAR
6-Oct	Pendaftaran tuntutan bayaran balik tunai bot penumpang dibuka 9 Okt	https://thesun.my/cerita/berita/pendaftaran-tuntutan-bayaran-balik-tunai-bot-penumpang-dibuka-9-okt-PG15020825	THE SUN
6-Oct	Passenger boat RON95 refund claims open for registration on Oct 9, says Armizan	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/03/passenger-boat-ron95-refund-claims-open-for-registration-on-oct-9-says-	THE STAR
6-Oct	KL nasi kandar outlet allegedly charges RM230 for 4 meals	https://thesun.my/viral/going-viral/kl-nasi-kandar-outlet-allegedly-charges-rm230-for-4-meals-HF15016414	THE SUN
6-Oct	RM1.5mil worth of unregistered cosmetics seized	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/03/rm15mil-worth-of-unregistered-cosmetics-seized	THE STAR
6-Oct	阿米占：客船公司享RON95 补贴 9日起可申请退款	https://www.sinchew.com.my/news/20251003/	SIN CHEW DAILY
6-Oct	客船公司下周起 可申请 RON95现金报销	https://www.orientaldaily.com.my/news/	ORIENTAL DAILY

6-Oct	KPDN sasar perluas Inisiatif Dapur Digital ke 50 lokasi seluruh negara tahun hadapan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-sasar-perluas-inisiatif-dapur-digital-ke-50-lokasi-seluruh-negara-tahun-hadapan	RTM
6-Oct	Pam RON95 dicabut sebab bocor, bukan kehabisan stok	https://www.kosmo.com.my/2025/10/05/pam-ron95-dicabut-sebab-bocor-bukan-kehabisan-stok/	KOSMO
6-Oct	KPDN tidak tolak penyelewengan lesen punca minyak masak subsidi diseludup	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1271785/kpdn-tidak-tolak-penyelewengan-lesen-punca-minyak-masak-subsidi-diseludup	HARIAN METRO
6-Oct	KPDN siasat pihak salah guna lesen, seludup minyak masak ke Thailand	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-siasat-pihak-salah-guna-lesen-seludup-minyak-masak-ke-thailand/	TV3
6-Oct	Tindakan tegas menanti pihak bersekongkol seludup barang subsidi – KPDN Kelantan	https://www.buletintv3.my/nasional/tindakan-tegas-menanti-pihak-bersekongkol-seludup-barang-subsidi-kpdn-kelantan/	TV3
6-Oct	Amaran kepada pihak bersekongkol dengan penyeludup	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1271847/amaran-kepada-pihak-bersekongkol-dengan-penyeludup	HARIAN METRO
6-Oct	Program Jualan Rahmah Bergerak meriahkan SMK Merbau	https://www.tvsarawak.my/2025/10/05/program-jualan-rahmah-bergerak-meriahkan-smk-merbau/	TVS